

KHUTBAH JUMAAT

“PERPADUAN ASAS KEMAKMURAN NEGARA”

(5 Julai 2024M/ 28 Zulhijjah 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُؤْتَنْ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita tumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Hindarilah perbuatan-perbuatan yang boleh menghilangkan ganjaran pahala Jumaat seperti bercakap-cakap dan bermain dengan telefon bimbit. Semoga khutbah yang disampaikan dapat diambil panduan dan pesanannya.

Bersempena dengan sambutan Maal Hijrah yang akan tiba, marilah sama-sama kita menumpukan perhatian dan menghayati sepenuhnya khutbah pada hari ini yang bertajuk “**Perpaduan Asas Kemakmuran Negara**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Tahun 1445H bakal melabuhkan tirainya. Pelbagai cabaran dan ujian kehidupan telah kita tempuhi, sama ada suka atau duka. Jadikanlah pengalaman lalu sebagai pengajaran dan pembakar semangat untuk kita terus bergerak maju ke hadapan. Ketibaan Maal Hijrah merupakan suatu peristiwa yang penting bagi umat Islam sempena memperingati peristiwa yang berlaku dalam sejarah Islam iaitu penghijrahan Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* dari kota Makkah al-Mukarramah ke Madinah al-Munawwarah. Golongan yang berhijrah mendapat tempat yang istimewa

disisi Allah *subhanahu wata'ala* sebagaimana firman-Nya dalam surah at-Taubah, ayat 20:

أَلَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَا جَرُوا وَجَاهُدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِاْمُوْلِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً
عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ (٢٠)

Maksudnya: (Sesungguhnya) orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang haji dan orang-orang yang memakmurkan masjid sahaja), dan mereka itulah orang-orang yang berjaya.

Peristiwa hijrah telah merakamkan pengobanan besar golongan Muhajirin yang sanggup meninggalkan tanah tumpah darah tercinta, harta benda, keluarga dan segala-galanya demi mempertahankan akidah dan mentaati perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Sejarah telah merakamkan hikmah yang besar daripada peristiwa hijrah itu apabila golongan Muhajirin dan Ansar dipersaudarakan sehingga mereka menjadi umat yang terhebat dan menjadi tauladan kepada seluruh umat manusia sehingga ke hari ini.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Negara Madinah merupakan manifestasi sebuah negara yang maju dari aspek fizikal dan kerohanian yang didirikan atas petunjuk wahyu. Ia bukan negara yang berasaskan bangsa, kaum dan budaya, sebaliknya ia mengatasi sempadan yang merentasi bangsa, bahasa dan budaya yang disatukan di bawah lembayung tauhid kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Allah *subhanahu wata'ala* mencipta manusia dengan kepelbagaian bangsa, warna kulit dan keturunan. Sekiranya Allah *subhanahu wata'ala*

berkehendak, nescaya semua manusia dijadikan satu umat sahaja, bertutur menggunakan satu bahasa, memiliki perangai yang sama dan serupa pada fizikal. Namun, diwujudkan keadaan kita dengan kepelbagaian supaya manusia dapat bersatu dan berkasih-sayang, berlumba-lumba berbuat kebajikan dan menjadikan kepelbagaian sebagai satu hikmah untuk keharmonian dan kesejahteraan.

Sesungguhnya takwa kepada Allah *subhanahu wata'ala* ialah ukuran kemuliaan manusia. Kuasa, pangkat, harta, bangsa dan warna kulit bukanlah ukuran kemuliaan seseorang insan. Dalam kehidupan bernegara di Madinah, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dan para sahabat *radiallahu anhum* tidak pernah melakukan penganiayaan dan penindasan terhadap mana-mana kaum dan taraf kehidupan. Bahkan sejarah Islam telah membuktikan, bagaimana seorang muslim yang berkulit gelap dan berambut kerinting mampu meraih takwa, kemuliaan dan kepimpinan masyarakat Madinah seperti Bilal bin Rabah *radiallahu anhu*.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Dalam usaha memperkukuh masyarakat Malaysia yang membangun dari segala aspek pembangunan, kita perlu saling mengenali antara satu sama lain, mengukuhkan persahabatan dan kerjasama antara kaum. Natijahnya, pasti kita akan saling menghormati dan saling melindungi di antara satu sama lain. Perpaduan di antara kita lebih utama daripada perbezaan yang hanya secebis.

Nilai-nilai keamanan, kedamaian dan ketenteraman ialah anugerah yang besar daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Islam mewajibkan hubungan sesama manusia berdasarkan rasa belas ihsan, kemesraan dan setia kawan. Ia menggalakkan sifat berlapang dada, saling memaafkan

kelemahan, bermurah hati, ramah-tamah dan suka melihat orang lain meraih kejayaan dan kemakmuran. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sangat menganjurkan berbelas kasihan dan sopan santun dalam perhubungan. Daripada Jarir bin Abdullah *radiallahu anhu*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرْحَمُ))

Maksudnya: Sesiapa yang tidak mengasihani orang lain, tidak akan dikasihani.

(*Hadis riwayat Imam al-Bukhari*)

Negara kita mempunyai komposisi kaum yang unik lagi istimewa, yang mencerminkan bangsa besar dunia yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India, Siam, peribumi Sabah dan Sarawak seperti Iban, Kadazan-Dusun, Bajau dan lain-lain kaum. Kita juga mempunyai pelbagai bahasa yang dituturkan namun kita disatukan di bawah bahasa Melayu yang berperanan penting untuk menjadi jalinan perhubungan yang sejahtera di peringkat nasional.

Dalam aspek beragama, Allah *subhanahu wata'ala* melarang kita daripada menghina sembahannya-penganut agama lain, kerana ianya hanya menimbulkan kemarahan, dendam dan kedengkian, sehingga mereka pula membala dengan menghina Islam secara melampaui batas. Dan begitulah juga sebaliknya. Akhirnya, terjadilah permusuhan yang tidak berkesudahan.

Kehidupan kita hari ini sering dipenuhi dengan persepsi-persepsi negatif dan sentimen-sentimen yang boleh memecah belahkan perpaduan masyarakat. Lihat sahaja di media-media sosial, perbezaan pemikiran dan ideologi politik telah sedikit sebanyak meruntuhkan nilai-nilai kebersamaan, kasih sayang dan toleransi sesama kita. Isu-isu utama

masyarakat seperti kemiskinan, kenaikan kos sara hidup, kekurangan ilmu pengetahuan agama dan ilmu-ilmu teras negara maju serta pelbagai lagi isu tidak dapat kita selesaikan.

Justeru, mimbar mengajak para jemaah sekalian, sebagai warganegara yang terdiri daripada pemimpin, ahli akademik, ahli politik, kakitangan kerajaan, kakitangan swasta, penggiat-penggiat seni, para pendakwah, para pempengaruh media sosial, para usahawan dan sebagainya yang menjadi entiti masyarakat, marilah kita memainkan peranan di bidang masing-masing untuk menyumbangkan tenaga dan idea ke arah kemajuan negara. Bersatulah atas dasar akidah Islam demi mengukuhkan perpaduan, utamakanlah kerukunan, kedamaian dan kesepakatan dalam menghadapi pelbagai cabaran dalaman dan luaran bagi membina negara yang bertamadun, memiliki modal insan yang tinggi, harmoni dan maju di masa hadapan.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Bagi mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita :

Pertama: Negara Madinah merupakan manifestasi sebuah negara yang maju dari aspek fizikal dan kerohanian yang didirikan atas petunjuk wahyu, rakyatnya bersatu di bawah lembayung tauhid kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Kedua: Jadikan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dan para sahabat sebagai contoh membangunkan negara Madinah sehingga menjadi sebuah tamadun yang hebat, rakyatnya bersatu padu, harmoni, aman dan sejahtera.

Ketiga: Sebagai warganegara, mainkanlah peranan di bidang masing-masing untuk menyumbangkan tenaga dan idea ke arah kemajuan negara tercinta.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah subhanahu wata'ala dalam surah an-Nisa', ayat 1:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .
يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ
مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَأَلْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ
عَلَيْكُمْ رَقِيبًا (١)

Maksudnya : Wahai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya – zuriat keturunan – lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawasi) kamu.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ . أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . الَّلَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلِّيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita memperbanyakkan istighfar dan memohon keampunan daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengampuni segala dosa kita dan menerima segala amalan kita. Marilah kita juga berdoa untuk kebaikan umat Islam di seluruh dunia agar mereka sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat Allah *subhanahu wata'ala*.

Khatib juga menyeru agar kita terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى :

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسِلِّمُوا تَسْلِيمًا الَّلَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلِّي سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّي سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلِّي سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،

كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

وَأَرْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَيُّ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, perang dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan kefaian serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسَانُ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ

